

02 SEP 1996

Rais-UMNO

SEMANGAT 46 AKAN SERAH BORANG MASUK UMNO 9 OKT

KOTA BAHARU, 2 Sept (Bernama) -- Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46) Tengku Razaleigh Hamzah akan menyerahkan 200,000 borang penyertaan semula anggota parti itu ke dalam UMNO kepada Presiden UMNO Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 9 Okt.

Timbalan Presiden S46 Datuk Rais Yatim berkata penyertaan itu bagi mengisi tuntutan pertama ke arah penyatuan bangsa Melayu.

Bagaimanapun, tempat dan waktu bagi penyerahan itu belum dipastikan setakat ini, katanya kepada pemberita selepas berucap pada ceramah Perpaduan Melayu di Kubang Kerian dekat sini malam tadi.

Beliau berkata mengikut rekod Semangat 46 mempunyai kira-kira 400,000 anggota dan kira-kira 200,000 borang penyertaan semula ke dalam UMNO akan diserahkan selepas itu.

Sementara itu, beliau meminta pimpinan PAS supaya mengutamakan perpaduan orang Melayu di samping perjuangan politiknya memandangkan orang Melayu memerlukan setiap bentuk pimpinan yang membina.

"PAS harus mengambil ibarat daripada pengalaman lama yang menunjukkan tidak cukup dengan seruan Islamiah sahaja. Ia mesti dikepilkan dengan perasaan cinta kepada bangsa," katanya.

Beliau berharap kepimpinan PAS dapat menerima seruan itu sambil meminta Menteri Besar Datuk Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat bekerjasama dengan Sultan Kelantan.

Ini merupakan jalan pintas yang patut diterima untuk meredakan masalah yang berlaku sekarang supaya mereka dapat menjalankan tugas dengan ihsan serta diterima oleh Sultan Kelantan.

"Apabila Menteri Besar dapat bekerjasama dengan Sultan persembahan beliau daripada segi undang-undang dapat diambil kira tetapi selagi tidak dapat dijalankan keharmonian seperti itu, maka anggota Exco daripada anggota Semangat 46 terpaksa berpegang kepada prinsip bahawa daripada segi undang-undang mereka masih memegang jawatan itu," katanya.

Ini memandangkan persembahan kepada Sultan Kelantan berhubung perkara itu belum dibuat dan persetujuan baginda belum diterima, katanya.

Sebelum itu, dalam ucapannya, Rais mengajak pimpinan PAS menyertai UMNO supaya perpaduan bangsa Melayu dalam erti kata sebenarnya dapat dicapai.

PAS perlu menggunakan keilmuan agamanya dan berganding bahu bersama-sama UMNO untuk menyumbang ke arah mengukuhkan perpaduan orang Melayu daripada kaca mata Islam, katanya.

Rais juga berkata Tengku Razaleigh tidak akan berdiam diri selepas menyertai semula UMNO.

Tengku Razaleigh akan terus memberi sumbangannya ke arah memantapkan perpaduan dan meningkatkan taraf ekonomi orang Melayu, katanya.

"Beliau mempunyai kebolehan dalam bidang yang sesuai dengan pengalamannya dan dengan barisan kepimpinan UMNO yang ada sekarang ia merupakan ramuan perpaduan bagi pencapaian yang lebih cemerlang kepada orang Melayu dalam erti kata yang sebenarnya," kata beliau.

-- BERNAMA

NH NMO